

Kertas Bil. 55/2022



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR
(JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERHUBUNG KEPERLUAN PELAN TINDAKAN BAGI
MENANGANI PERSEPSI PENGGUNA SEKIRANYA
PELAKSANAAN KENAIKAN TARIF AIR
DILAKSANAKAN DI NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Keterangan	2
4	Penemuan Jawatankuasa	4
5	Saranan Jawatankuasa	4
6	Perakuan	5
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	6
	Urus setia	6

Lampiran 1 (Wakil Agensi / Individu Yang Terlibat)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022 BERHUBUNG KEPERLUAN PELAN TINDAKAN BAGI MENANGANI PERSEPSI PENGGUNA SEKIRANYA PELAKSANAAN KENAIKAN TARIF AIR DILAKSANAKAN DI NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2022 pada 28 Oktober 2022, 31 Oktober 2022, 1 November – 4 November 2022 Dan 7 November – 10 November 2022.

2. LATAR BELAKANG

- 2.3 Pada mesyuarat JPK-SAS Bil 4/2022, jawatankuasa memutuskan untuk melakukan satu pendengaran tertutup bersama wakil daripada Air Selangor dan Seksyen MAKRO, UPEN pada 24 Mei 2022 mengenai kedudukan kewangan Air Selangor serta isu kenaikan tarif air bagi Negeri Selangor.
- 2.4. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:
 - 2.4.1 Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran)
 - 2.4.2 Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang)
 - 2.4.3 Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa)
 - 2.4.4 Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik)
 - 2.4.5 Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali)

3. KETERANGAN

- 3.1. Selepas penstrukturkan semula industri air di Selangor, kenaikan tarif air yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2006 hingga tahun 2015 telah ditangguhkan.
- Kenaikan tarif air yang dirujuk adalah berdasarkan perjanjian antara SYABAS dan syarikat konsesi sebelum penstrukturkan semula industri Air Selangor di mana pelaksanaan kenaikan tarif tersebut dirancang untuk dilaksanakan secara berjadual.
 - Selepas penstrukturkan semula industri air, susulan daripada pembatalan perjanjian dan penangguhan kenaikan tarif secara berjadual, Kerajaan Negeri tidak perlu membayar pampasan tarif air sebanyak RM5 bilion.
 - Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jika dilaksanakan, jumlah keseluruhan kenaikan tarif daripada tahun 2006 hingga 2015 secara berjadual adalah 105%.
- 3.2. Air Selangor memaklumkan bahawa pihak SPAN telah memberi kelulusan kenaikan tarif sebanyak 24% secara purata setiap tiga (3) tahun. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kenaikan tarif adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri.
- Secara purata, tarif air di Negeri Selangor setakat tarikh pendengaran adalah RM1.50 termasuk domestik dan bukan domestik.
 - Berdasarkan perancangan pelaras tarif yang dicadangkan kepada SPAN, tiada kenaikan tarif untuk penggunaan domestik bagi 20 meter padu air yang pertama.
 - Berdasarkan perbandingan tarif air mengikut negeri, kadar domestik di Pulau Pinang adalah yang terendah dan Johor adalah yang tertinggi. (rujuk **Lampiran 2**).
- 3.3 UPEN memaklumkan bahawa pada 24 Januari 2019, Kerajaan Negeri telahpun bersetuju dengan tiga (3) perkara berkaitan kenaikan tarif:
- Cadangan pelaksanaan mekanisme penetapan tarif;
 - Cadangan kenaikan tarif sebanyak 23.9%;
 - Bahawa kenaikan tarif dirancang untuk berkuatkuasa pada 1 April 2019 tertakluk kepada persetujuan di peringkat Kerajaan Persekutuan.
- a. UPEN juga memaklumkan bahawa pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) akan membawa cadangan kenaikan tarif tersebut ke

peringkat Persekutuan pada bulan Jun 2022 dan seandainya mendapat kelulusan, pelarasan tarif akan dilaksanakan kira-kira pada bulan Julai 2022.

- b. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jemaah Menteri Kerajaan Persekutuan telah meluluskan kenaikan tarif sebanyak RM0.20 (purata) dan ia telah dilaksanakan pada 1 Ogos 2022 untuk kategori bukan domestik dan beberapa kategori khas seperti Kerajaan, Institusi Keagamaan dan Perkapalan.

3.4 Keadaan Prestasi kewangan Air Selangor dan justifikasi kenaikan tarif air.

- a. Berikut adalah Penyata Untung & Rugi Air Selangor bagi tahun 2016 sehingga 2021.

Particulars	2021	2020	2019	2018	2017	2016
	Company RM'000	Company RM'000	Group RM'000	Group RM'000	Group RM'000	Group RM'000
Revenue* Cost of sales	2,015,887 (1,060,219)	2,034,047 (1,013,948)	2,028,376 (1,127,946)	1,946,660 (1,402,311)	1,891,470 (1,340,191)	1,863,431 (1,281,867)
Gross profit	955,668	1,020,099	900,430	544,349	551,279	581,564
Other income Total expenses	169,705 (1,081,997)	277,971 (1,075,908)	7,354,975 (1,530,230)	70,122 (532,691)	88,130 (457,496)	82,019 (434,159)
EBITDAR	43,376	222,162	6,725,175	81,780	181,913	229,424
Depreciation Finance Cost	(676,857) (689,913)	(672,058) (662,972)	(645,523) (881,979)	(537,794) (830,748)	(529,087) (747,676)	(432,088) (761,838)
Profit/(Loss) before tax	(1,323,394)	(1,112,868)	5,197,673	1,286,762	(1,094,850)	(964,502)
Profit/(Loss) after tax	(1,323,394)	(1,114,977)	5,360,552	(1,309,945)	(1,114,577)	(992,403)

NB: Other Income in 2019 includes significant exceptional items which are primarily one-off gains resulting from the waiver of intercompany trade payable interest by SPLASH as part of the water restructuring exercise. Excluding such exceptional items, Air Selangor is also loss making in 2019.

- b. Sehingga kini, Air Selangor telah mampu menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos operasi (*operating cost*).

Walaubagaimanapun, persekitaran tarif semasa (yang kekal sama sejak 2006) tidak membenarkan pemuliharaan kos penuh, dengan hasil (*revenue*) Air Selangor yang tidak mencukupi untuk membayai sepenuhnya kos pembiayaan (*financing cost*) (termasuk faedah pajakan (*lease interests*) dan perbelanjaan modal (*capital expenditure*)).

- c. Jawatankuasa mengambil maklum Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) adalah penting untuk memastikan kemampanan Air Selangor.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1. Jawatankuasa mengambil maklum Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) adalah penting untuk memastikan kemampanan Air Selangor.
- 4.2. Bagaimanapun, kemampanan kewangan Air Selangor juga perlu diseimbangkan dengan keadaan ekonomi dan kepentingan rakyat.
- 4.3. Jawatankuasa mendapati pihak Air Selangor tidak mempunyai satu Pelan Tindakan bagi mengurus jangkaan rakyat sekiranya pelaksanaan kenaikan tarif air di Negeri Selangor diluluskan.

5. SARANAN JAWATANKUASA


- 5.1. Jawatankuasa menegaskan semula saranan penyata JPK-SAS mengenai Penggantian Paip dan “Non-Revenue Water” bagi Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2020 yang mencadangkan supaya kadar tarif disemak semula dengan syarat sebarang kenaikan wajar hanya dilaksanakan dalam keadaan ekonomi yang sesuai.
- 5.2. Jawatankuasa menyarankan kepada Kerajaan Negeri bahawa sekiranya kenaikan tarif perlu dilaksanakan dalam keadaan ekonomi semasa, Kerajaan Negeri perlu bersedia dengan satu rancangan berkenaan kenaikan tarif untuk membantu mengurangkan beban rakyat (Contohnya: memecahkan kenaikan tarif air untuk dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun secara berperingkat dan bukan sekaligus).
- 5.3. Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri melalui Air Selangor menyediakan satu Pelan Tindakan bagi mengurus jangkaan rakyat sekiranya pelaksanaan kenaikan tarif air di Negeri Selangor diluluskan. Antara aspek yang perlu diambilkira di dalam Pelan Tindakan tersebut adalah seperti berikut:-
 - a. Mengumum kepada orang ramai justifikasi kenaikan tarif air kepada pengguna.

- b. Mengumum kepada orang ramai rancangan penambahbaikan fasiliti, sistem agihan air dan garis masa pelaksanaan selepas kenaikan tarif dilaksanakan.
- c. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang diumumkan kepada masyarakat mengikut jadual sebagai sistem akauntabiliti.
- d. Pengumuman tindakan yang akan diambil secara pentadbiran dalam syarikat Air Selangor jika KPI tidak dicapai.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-SAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 8/2022 pada 26 September 2022.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air Selangor
(JPK-SAS)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1) | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 3) | Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru) | Ahli |
| 4) | Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi
(ADN Kawasan Sijangkang) | Ahli |
| 5) | Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George
(ADN Kawasan Sentosa) | Ahli |
| 6) | Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 7) | Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Nurul Liana Binti Musa Setiausaha Pejabat
- iv) Cik Siti Khadijah Binti Maarof Pegawai Penyelidik

LAMPIRAN 1

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

WAKIL AIR SELANGOR

1. Encik Kevin Lee
Head of Finance and Strategy Department
2. Encik Kenneth Tan Vun Yeow
Vice President 1, Finance and Strategy Department

WAKIL SEKSYEN MAKRO & PENSWASTAAN, (UPEN),

1. Tuan Hamizam bin Abdulla Zabidi
Timbalan Pengarah
2. Puan Mazidah binti Ahmad Ramli
Ketua Penolong Pengarah, Perundangan dan Pengurusan Air
3. Encik Mohd Hilmi bin Ismail
Penolong Pengarah, Perundangan dan Pengurusan Air

**COMPARISON OF WATER RATES BETWEEN STATES
SOURCES: WATER AND SEWERAGE FACT BOOK 2020 (PENINSULAR MALAYSIA & F.T LABUAN)**

	Domestic						Current rates effective from:
	Residential/Individual Meter			Bulk Meter (flat apartment/ Condominium/ Residential)	Low cost apartment	Estate	
	0-20m3	> 20-35m3	>35m3				
Johor	RM0.80/m3	RM2.00/m3	RM3.00/m3		RM7.00	RM1.60/m3	1/8/2015
Kedah	RM0.50/m3	RM0.90/m3	RM1.30/m3		RM6.00	As per commercial	1/10/2010
Kelantan	RM0.45/m3	RM0.97/m3	RM1.42/m3		RM4.50		1/9/2013
F.T Labuan	RM0.70/m3	RM1.20/m3	RM1.70/m3		RM7.00		1/8/2015
Melaka	RM0.60/m3	RM0.95/m3	RM1.45/m3		RM6.00	RM1.80/m3 Min Charge: RM25.00	1/1/2016
N.Sembilan	RM0.55/m3	RM0.85/m3	RM1.40/m3		RM5.00		RM1.30/m3 Min Charge: RM15.00
Pulau Pinang	0-20m3	> 20-40m3	> 40-60m3	> 60-200m3	> 200m3	Water conservation surcharge	1/4/2015
						RM0.48/m3	
	RM0.22/m3	RM0.46/m3	RM0.68/m3	RM1.17/m3	RM1.30/m3	RM2.50	

				* for water consumption exceeding 35m3 a month				
Pahang	0-18m3	> 18-45m3	> 45m3			RM3.00		1/1/1983
	RM0.37/m3	RM0.79/m3	RM0.99/m3					
Perak	0-10m3	> 10-20m3	> 20m3			RM3.00		1/7/2006
	RM0.30/m3	RM0.70/m3	RM1.03/m3					
Perlis	0-15m3	15-40m3	>40m3			RM4.00		1/1/1996
	RM0.40/m3	RM0.70/m3	RM1.10/m3					
Terengganu	0-20m3	20-40m3	40-60m3	>60m3		RM4.00		1/3/1997
	RM0.42/m3	RM0.65/m3	RM0.90/m3	RM1.00/m3			0-500m3 (RM0.65/m3) >500m3 (RM1.00/m3) Min Charge: RM300.00	
Selangor	RM0.57/m3	RM1.03/m3	RM2.00/m3			RM6.00	RM1.38/m3 Min Charge: RM173.00	1/11/2006
							Band 1 (RM1.00/ m3) Band 2 (RM12.0 0)	

*Please refer to the full document for the details.

